

## KAJIAN PEMANTAPAN AQIDAH ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENDENGARAN MELALUI KISAH NABI ISA

### *A STUDY ON STRENGTHENING THE AQIDAH OF HEARING DISABLED PEOPLE THROUGH THE STORY OF THE PROPHET ISA*

Nurul Nadhirah Abdul Kadir<sup>1</sup>  
Wan Mariah Wan Othman Kamal<sup>2</sup>  
Mohamad Khairul Azman Shamsuddin<sup>3</sup>  
Dr. Siti Mardhiyah Kamal Azhar<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: nadhirahabdulkadir165@gmail.com )

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: wanmariahwanothmankamal@gmail.com )

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: eirulazmanc65@gmail.com )

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: mardhiyah@usim.edu.my )

#### Article history

Received date : 7-8-2023  
Revised date : 8-8-2023  
Accepted date : 25-9-2023  
Published date : 15-10-2023

#### To cite this document:

Abdul Kadir, N. N., Wan Othman Kamal, W. M.,  
Shamsuddin, M. K. A., & Kamal Azhar, S. M.  
(2023). Kajian Pemantapan Aqidah Orang Kurang  
Upaya (OKU) Pendengaran Melalui Kisah Nabi Isa.  
*Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari*  
(*JOIRC*), 6 (11), 225 - 234.

**Abstrak:** *Kebelakangan ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi membantu komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran mempelajari pendidikan berkaitan Islam antaranya pembangunan aplikasi Quran Isyarat, penganjuran kelas-kelas fardu Ain berbahasa isyarat dan sebagainya. Namun begitu, program tersebut masih belum dapat diperkasa sepenuhnya terhadap golongan ini lantaran kurangnya tenaga pengajar yang menguasai bahasa isyarat disamping platform yang digunakan hanya dapat diakses oleh komuniti OP tertentu. Dalam Islam, akidah merupakan ilmu utama yang perlu dipelajari dan diperkukuhkan disamping ilmufardu ain yang lain. Pengukuhan kefahaman berkaitan akidah terhadap golongan OKU Pendengaran amat penting agar mereka dapat mendalami Islam dengan lebih baik seterusnya meningkatkan lagi kepercayaan terhadap agama ini. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti ayat-ayat al-Quran berkaitan kisah Nabi Isa AS yang menyentuh tentang aspek pemahaman dan penghayatan terhadap akidah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menumpukan analisis ayat al-Quran berdasarkan konteks situasi yang terdapat dalam kisah Nabi Isa AS. Hasil kajian mendapati bahawa kefahaman dan penghayatan OKU pendengaran terhadap ilmu akidah masih berada pada tahap yang rendah. Walaubagaimanapun, tauladan yang terdapat dalam kisah Nabi Isa AS ini wajar digunakan sebagai petunjuk untuk memberi kefahaman akidah kepada komuniti ini. Kajian ini mencadangkan agar kisah dakwah kepada tauhid oleh para Anbiya yang terdapat dalam*

*al-Quran diterjemahkan ke bahasa isyarat agarkomuniti OP terdedah kepada ilmu akidah dengan lebih meluas dan mudah.*

**Kata Kunci:** *Kefahaman akidah, Nabi Isa AS, Komuniti Orang Pekak*

**Abstract:** *Recently, various efforts have been implemented to help the Hearing Impaired (HI) community to learn about Islamic education, including the development of the Sign Quran application, the organization of Ain fardu classes in sign language and so on. However, the program has not yet been fully empowered for this group due to the lack of teaching staff who have mastered sign language in addition to the platform used which can only be accessed by certain HI communities. In Islam, belief is the main knowledge that needs to be learned and strengthened in addition to other fardu ain knowledge. Strengthening the understanding of faith for hearing impaired people is very important so that they can better understand Islam and further increase their faith in this religion. Thus, this study will identify the verses of the Quran related to the story of Prophet Jesus AS that touch on aspects of understanding and appreciation of the faith. This study is a qualitative study that focuses on the analysis of verses of the Quran based on the context of the situation found in the story of the Prophet Jesus. The results of the study found that the hearing impaired's understanding and appreciation of religious knowledge is still at a low level. However, the example found in the story of Prophet Jesus AS should be used as a guide to give understanding of faith to this community. This study suggests that the story of preaching to monotheism by the Prophets found in the Qur'an be translated into sign language so that the HI community is exposed to the knowledge of faith more widely and easily.*

**Keywords:** *Understanding of Faith, Prophet Jesus AS, Hearing Impaired Community*

---

## **Pengenalan**

Akidah adalah salah satu asas yang paling penting dalam beragama iaitu menyakini akan Allah SWT serta kesempurnaan-Nya. Akidah yang benar dan jelas akan menjadikan seseorang muslim itu mempunyai pengangan iman yang kukuh. Setiap muslim wajib untuk belajar dan mendalami ilmu akidah agar tidak terjerumus kepada kefahaman yang salah. Namun bagaimana pula dengan nasib golongan kurang upaya yang mempunyai kekurangan untuk mempelajari ilmu pengetahuan berbanding dengan orang normal.

Orang Kurang Upaya (OKU) juga dijadikan Allah SWT seperti insan yang lain iaitu tidak terlepas daripada menunaikan kewajipan terhadap perintah-Nya. Keistimewaan yang dianugerahkan dari Allah SWT itu bukanlah suatu penghalang kepada golongan OKU untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Oleh sebab itu golongan OKU ini juga mempunyai cara dan kaedah yang unik dalam mempelajari ilmu agama (Md Yusoff & Awang, 2019). OKU Penglihatan adalah golongan yang tidak mampu melihat secara kasar namun masih mampu mendengar, namun berbeza dengan OKU Pendengaran iaitu golongan yang tidak mampu mendengar tetapi boleh melihat dan kaedah yang mampu membantu golongan ini adalah melalui penyampaian bahasa isyarat.

Dunia hari ini tidak asing lagi dengan kehadiran golongan istimewa ini, terdapat banyak institusi pendidikan yang berusaha untuk membantu golongan ini dalam pelbagai usaha dan terutamanya dalam pendidikan agama. Golongan ini juga tidak terlepas daripada

tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah SWT. Sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah SWT di dalam surah al-Dzariyat ayat ke 56: “Tidaklah Aku (Allah) menciptakan jin dan manusia itu kecuali untuk beribadah kepada-Ku.” Ayat ini menegaskan bahawa Allah SWT tidaklah menjadikan jin dan manusia melainkan untuk mengenal-Nya dan agar menyembah-Nya. Maka jelaslah setiap manusia dan termasuk golongan kurang upaya wajib untuk menunaikan ibadah seperti mana yang dijelaskan ayat di atas.

### **Dapatan Kajian**

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian dalam fasa analisis keperluan untuk menjelaskan apakah akidah dan OKU pendengaran. Kajian ini akan menumpukan kepada tiga subtopik. Subtopik ini termasuk pengertian akidah dan OKU pendengaran, kajian tafsir ayat-ayat berkaitan akidah sirah Nabi Isa, dan peranan golongan OKU pendengaran terhadap akidah. Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis apa itu akidah untuk golongan OKU pendengaran.

### **Taarif Akidah**

Akidah (العقيدة) dari segi Bahasa Arab (etimologi) yang berasal daripada kata al-aqdu (العقد) yang bermaksud ikatan dan at-tautsiqu (التوثيق) yang bermaksud kepercayaan atau keyakinan yang kuat. Akidah adalah iman yang kuat dan pasti tanpa ada sedikit pun keraguan terhadap orang-orang yang meyakinkannya. Akidah adalah satu keimanan yang bersifat pasti dan teguh kepada Allah SWT dengan segala kewajiban. Mentauhidkan dan taat kepada Allah, beriman kepada malaikat-malaikatNya, rasul- rasulNya, kitab-kitabNya dan hari kiamat (Rahman et al., n.d.).

Selain itu, akidah dari segi bahasa pula adalah berjanji. Contohnya dalam masalah pernikahan, sebelum akad nikah banyak perbuatan yang hukumnya adalah haram bagi seseorang perempuan dan lelaki. Memandang sahajapun sudah haram hukumnya jika pandangan itu mengandung syahwat. Namun, setelah akad segalanya menjadi halal dan bernilai ibadah. Menurut syar'i, akidah merupakan pemikiran yang menyeluruh berkaitan alam, manusia dan kehidupan (Siregar, 2020). Setiap umat Islam tidak kira mereka sempurna fizikal mahupun tidak, mereka wajib mengetahui, mempelajari dan mendalami ilmu agama seperti akidah dalam Islam supaya tidak berlaku perkara-perkara yang boleh membawa mereka kepada penyelewengan akidah terhadap Allah SWT. Akidah yang sebenar adalah akidah yang berdasarkan pada al- Quran dan Sunnah.

### **Pengertian OKU Pendengaran**

Orang Kurang Upaya (OKU) adalah sebahagian daripada masyarakat serta mereka berhak untuk memiliki dan mengalami kehidupan seperti masyarakat yang lain. OKU adalah mereka yang mempunyai kecacatan dari segi kecacatan, penglihatan, pendengaran, pembelajaran dan fizikal. Golongan OKU pendengaran dikategorikan dalam golongan orang yang cacat dari segi pancaindera. Hal ini kerana, mereka tidak mampu mendengar sebarang bunyi atau percakapan dari orang sekeliling mereka. Mereka hanya menggunakan isyarat tangan untuk berkomunikasi dengan masyarakat normal dan golongan yang sama seperti mereka. Golongan ini juga mempunyai kesukaran dalam bertutur (Amlin et al., 2020).

Walaupun bagaimanapun, golongan OKU tidak terlepas daripada melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala laranganNya. Menjadi tanggungjawab bersama dalam membantu golongan OKU dalam kategori cacat pendengaran agar mereka juga berjaya seperti insan normal yang lain. Terdapat banyak aplikasi digital mudah alih di pasaran. Tetapi tidak

banyak aplikasi yang dihasilkan khusus untuk OKU. Masyarakat sekarang termasuk golongan OKU masih kurang mengetahui dan berpengetahuan tentang permasalahan dalam bidang agama khususnya akidah. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab kita sebagai umat Islam yang sempurna fizikal seharusnya membantu mereka untuk lebih memahami ilmu agama khususnya akidah secara lebih mendalam supaya mereka tidak terpesong ke arah yang sesat.

### **Biodata dan Sirah berkaitan Akidah Nabi Isa a.s**

Di dalam dunia Islam terdahulu terdapat seorang wanita yang hebat yang telah diiktiraf di dalam al-Quran dan hadis yang terdiri dalamnya tokoh wanita Islam yang boleh dijadikan sebagai suri teladan buat muslimah zaman sekarang. Siti Maryam merupakan salah seorang tokoh wanita Islam yang ulung pada zamannya. Hal ini kerana Allah SWT menjadikan namanya salah satu daripada surah di dalam al-Quran. Siti Maryam adalah seseorang yang melahirkan seorang insan ulung dalam dunia Islam iaitu Nabi Isa a.s. Siti Maryam merupakan ibu kepada Nabi Isa a.s. Di dalam al-Quran baginda disebut dengan nama Isa. Gelarannya al-Masih dan Ibnu Maryam. Baginda merupakan hamba dan rasul Allah yang dilahirkan tanpa seorang ayah dan merupakan nabi yang diberikan mukjizat oleh Allah yang tidak dimiliki oleh nabi-nabi lain. Baginda pernah ditanyakan oleh Allah tentang ketauhidan baginda apakah ia mengaku sebagai Tuhan? Lalu Nabi Isa a.s menjawab tidak dan menyuruh umatnya untuk menyembah Allah bukan kepada baginda (Jasmi, K.A., 2021)

Setiap Nabi dan Rasul yang diutuskan oleh Allah mempunyai satu tanggungjawab penting yang harus diselesaikan oleh mereka iaitu mengajak kaum mereka untuk mentauhidkan dan mentaati segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala laranganNya. Begitu juga dengan Nabi Isa a.s. Nabi Isa a.s. memberi dakwah kepada kaumnya iaitu Bani Israel. Terdapat pelbagai cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh baginda ketika memberi dakwah kepada kaumnya. Antaranya adalah Bani Israel secara umumnya enggan menerima dakwah Nabi Isa a.s. melainkan yang mempercayainya terhadap baginda. Baginda merasa agak kecewa disebabkan dakwahnya tidak disambut dengan baik. Bani Israel sudah selesai dengan agama taurat berbanding apa yang diajarkan oleh Nabi Isa a.s. Baginda cuba untuk mendekati kepada pengikutnya dan bertanya siapakah orang yang mahu menjadi penolongku untuk menyeru manusia menyembah hanya kepada Allah SWT.

Sebahagian daripada kaum Bani Israel menyahut seruan tersebut dan menjadi penolong kepada baginda. Mereka digelar sebagai golongan 'Hawariyyun'. Manakala, sebahagian yang tidak mengikuti dakwah baginda telah menggunakan kuasa raja iaitu merancang untuk pembunuhan Nabi Isa a.s bersama dengan salah seorang yang sanggup mengkhianati baginda dalam perancangan pembunuhan dan pensaliban terhadap baginda. Mereka merancang, tetapi Allah SWT adalah perancang yang lebih hebat. Dengan menjadikan pengkhianat itu sebagai ganti orang yang terbunuh, Nabi Isa sudah diangkat ke langit untuk dipelihara daripada rancangan jahat kaumnya itu (Jasmi, 2021).

### **Kepentingan Akidah kepada OKU (Pendengaran)**

Manusia diciptakan oleh Allah S.W.T. di atas muka bumi ini bersama-sama dengan makhluk yang lain sebagai tanda buktikekuasaan Tuhan Yang Maha Berkuasa atas segala-galanya. Sudah tentu sebagai seorang yang beriman, kita hendaklah sentiasa bersyukur di atas segala nikmat yang telah dikurniakan kepada kita sebagai hambanya. Lebih-lebih lagi dua nikmat yang cukup besar dan bermakna bagi kita sebagai seorang Muslim iaitu nikmat Iman serta nikmat Islam. Bersyukur kita kepada Allah SWT sekiranya kita dilahirkan sebagai seorang Islam. Begitu juga apabila di kalangan kita memperolehi hidayah untuk memeluk agama Islam

walaupun dilahirkan bukan sebagai penganut Islam. Akan tetapi mereka beruntung kerana berkesempatan untuk bersama- sama dengan kita dalam agama yang cukup mulia ini.

Dalam kehidupan seharian juga, kita perlu sentiasa berwaspada dalam tingkah laku dan percakapan yang terhasil daripada diri sendiri. Ini adalah kerana jika kita tersalah Langkah mahupun tersilap dalam tutur bicara, sudah tentu akan memberi kesan kepada akidah kita sama ada kita sedari atau tidak. Termasuklah apabila kita menyandarkan sesuatu itu selain kepada Allah S.W.T. walaupun bagi kita, hanya sekadar percakapan biasa. Sebagai contoh yang boleh diambil adalah berkaitan dengan seseorang dan ubat-ubatan. Kita sering mendengar apabila seseorang itu sakit dan sudah tentu akan diberikan ubat untuk dimakan bagi menghilangkan atau mengurangkan rasa sakit tersebut. Namun, kesilapan yang sering dilakukan apabila kita menyebut seperti, "Nasib baik ada ubat ini, rasa lega sakit ini." Atau "Mujur ubat ini masih ada, tidak mungkin penyakit ini akan melarat." Sedangkan sesuatu kesakitan dan kesembuhan itu adalah datang daripada Allah S.W.T. Apabila kita tidak berwaspada dalam tutur bicara, dikhuatiri akan menjejaskan atau mengganggu akidah kita walaupun bukan akidah yang besar, tetapi sangat penting dalam mengukuhkan keimanan kita.

Ulama menafsirkan ayat 95 surah an-Nisa bahawa Allah S.W.T. menjanjikan kebaikan kepada mereka yang tidak mempunyai keuzuran walaupun tidak turut serta dalam berjihad. Ini menunjukkan golongan seperti mereka ini tidak berdosa sekiranya tidak turut serta dalam berjihad malah Allah SWT menjanjikan syurga kepada mereka asalkan mereka beriman kepada Allah SWT tanpa sebarang keraguan. Di dalam ayat ini juga Allah SWT menceritakan tentang kelebihan orang yang keluar berjihad berbanding orang-orang yang hanya duduk sahaja. Allah S.W.T. memberikan pengecualian berperang kepada tiga golongan iaitu; orang buta, tempang dan orang yang sakit. Hal Ini kerana mereka mempunyai keuzuran yang zahir dan jelas dan mereka tidak berdosa sekiranya tidak turut serta berperang (Farhah Zaidar, 2020).

Oleh itu, seperti yang difahami akidah merupakan sesuatu perkara yang berpaksikan kepercayaan, keimanan dan I'tiqad akan kewujudan dan keesaan Allah S.W.T. Aspek sebegini boleh dilatih dengan merangsang pemikiran individu OKU tentang penciptaan Allah S.W.T. yang boleh mereka lihat, dengar dan sentuh menggunakan pancaindera mereka. Bukan itu sahaja, pemerhatian terhadap alam semula jadi dan anggota badan juga menjadi salah satu cara bagi membantu golongan OKU ini mengukuhkan kepercayaan dan keimanan mereka. Nilai keimanan sebegini secara tidak langsung membantu golongan ini menimbulkan celik akal bahawa Allah SWT sentiasa memerhati segala tingkah laku hamba-Nya serta mendidik OKU bermasalah pembelajaran supaya berhati-hati apabila timbul keinginan untuk melakukan kemungkaran. Dan diantara latihan yang boleh digunakan adalah dengan memasang audio alunan zikir dan nasyid dapat membantu mereka menyemai rasa cinta dan kasih sayang terhadap Allah SWT. (Haiqal Hassan, 2022)

### **Kajian Tafsir Surah al-Maidah Ayat ke-72**

Berdasarkan kajian dari Surah Al-Maidah Ayat 72 ini, ayat ini memberi penerangan berkenaan akidah. Allah menyebut tentang akidah sesat golongan Kristian. Dan Allah memberitahu apakah sebenarnya akidah Nabi Isa A.S. Allah S.W.T. telah berfirman dalam ayat ini:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَبْنِي إِسْرَائِيلَ  
اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ  
النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

*Maksudnya: “Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: “Sesungguhnya Allah ialah Al Masih putera Maryam”, padahal Al Masih (sendiri) berkata: “Hai Bani Israil, sembahlah Allah Tuhanku dan Tuhanmu”. Sesungguhnya orang yang mempersekutukan (sesuatu dengan) Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga, dan tempatnya ialah neraka, tidaklah ada bagi orang-orang zalim itu seorang penolong pun.”*

Berdasarkan huraian tafsir ayat ini, ia menerangkan bahawasanya telah jelas, kafirlah orang yang mengatakan begitu. Mereka mengatakan Allah S.W.T. itu adalah dalam jelmaan Nabi Isa A.S.: ini adalah salah satu daripada fahaman sesat golongan Nasrani. Ini berbeza dengan konsep Trinititi yang kita biasa dengar. Ini kerana mereka pun ada banyak mazhab. Mazhab yang disebut dalam ayat ini telah mengatakan bahawa Allah S.W.T. menjelma menjadi Nabi Isa dan turun ke dunia. Akidah sebegini bukanlah asing lagi kerana sudah tercatat dalam sejarah agama zaman berzaman.

Kemudian Allah membalas tuduhan mereka dengan memerintahkan Saidina Isa A.S untuk berkata kepada Bani Israil: “Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kalian, Penciptaku dan Pencipta kamu. Bagaimana mungkin seorang hamba menjadi Tuhan?!” Sesungguhnya orang yang menyekutukan Allah, maka Allah melarangnya daripada masuk ke syurga-Nya dan tempat mereka adalah di neraka selama-lamanya. Justeru, golongan ini telah menzalimi diri sendiri dengan menyembah selain Allah dan mereka tidak mempunyai penolong yang boleh menolong mereka dari azab di akhirat

Perkataan ‘Zalim’ dalam ayat ini bermaksud zalim dalam bentuk syirik. Tidak ada sesiapa yang akan menolong mereka. Malah, tidak akan ada pemberi syafaat untuk mereka. Kerana syafaat hanya layak buat golongan yang meninggal tanpa melakukan syirik. Maka, dapatlah difahami bahawa ayat ini adalah amaran kepada golongan Nasrani: jangan sangka akan ada yang akan menyelamatkan kamu kalau kamu membuat syirik. Nabi Isa A.S. yang kamu puja itu pun tidak akan tolong kamu.

### **Metode Aqidah Berdasarkan Kajian Tafsir**

Menurut ajaran Rasulullah S.A.W. yang dimaksud dengan agama ialah suatu peraturan hidup yang diwahyukan Tuhan terhadap manusia, dari masa ke masa, sejak adanya manusia di muka bumi, yang tersusun dalam bentuknya yang terakhir dan lengkap dalam aliran yang suci, yang diwahyukan Tuhan kepada rasul-Nya yang terakhir, Muhammad S.A.W., suatu peraturan hidup yang berisi petunjuk yang jelas dan lengkap, meliputi seluruh aspek kehidupan kerohanian mahupun material. Adapun yang dimaksudkan dengan agama disini tiada lain adalah Islam. Sebagaimana firman Allah S.W.T.:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya: "Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam.  
(Ali Imran: 19)

Selain itu, terdapat juga penerangan berkaitan keimanan para ahli kitab terhadap Saidina Isa A.S menerusi surah An-Nisa' ayat 159.

وَإِنْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِلَّا لَيُؤْمِنَنَّ بِهِ قَبْلَ مَوْتِهِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكُونُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا

Maksudnya: *“Tidak ada seorang pun dari Ahli Kitab kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kematiannya. Dan di hari kiamat nanti Isa akan menjadi saksi terhadap mereka”*.

Di dalam kitab Al-Misbah karangan M.Quraish Shihab pada ayat 159 surah tersebut, ianya menjelaskan bagaimana keadaan Nabi Isa dan bagaimana sikap orang-orang yang mengingkari kerasulannya, bahkan memusuhinya. Ayat ini juga menjelaskan bagaimana keimanan Ahli Kitab baik Yahudi mahupun Nasrani disaksikan oleh Nabi Isa. Apabila mereka mati, mereka akan mengakui keesaan Allah sehingga mereka percaya bahawa Nabi Isa adalah hamba Allah, bukan Tuhan dan juga bukan anak Tuhan, yang selama ini dianuti oleh masyarakat Kristian. Bukan anak luar nikah dan pendusta seperti yang diyakini orang Yahudi (Rahmasari,2021). Manakala, dalam kitab tafsir Jalalain dalam surah An-Nisa ayat 159 dinyatakan bahawa setiap Ahl al-Kitab yang kemudiannya beriman dengan akidahnya tidak akan diterima kerana imannya dijalankan pada saat kematian di mana roh sudah berada di kerongkong, iman tersebut tidak akan diterima dan tidak berguna. Dalam kitab tersebut juga dinyatakan bahawa Nabi Isa menyaksikan seluruh keimanan mereka sebelum Nabi Isa wafat (Luthfiana Devi Erica,2021).

Berdasarkan kajian tafsir, dari sudut metode pula Allah telah menetapkan beberapa metode asas dalam pembinaan akidah dalam kehidupan, antaranya Mengetahui alam ini terdiri daripada jawhar dan sifat (araḍ) serta semua jisim- jisimnya adalah baharu dan seluruh alam akan fana, yang kekal adalah syurga dan neraka. Kedua, mengetahui pencipta alam dan sifat zat yang mustahak bagi-Nya adalah bersifat Qadim, tidak ada had dan penghujungnya, tidak ada ruang, tempat atau masa, tidak ada rupa bentuk, Tunggal (Wahid) dan tidak memerlukan dan tidak memberikan kesan apa-apa dari makhluk-Nya. Ketiga, Mengenal keadilan dan kebijaksanaan Allah S.W.T. yang menciptakan semua makhluk meliputi semua usaha manusia, ajal dan ketetapan rezeki sama ada halal atau haram.

### **Taklifan OKU Pendengaran dalam Pemantapan Akidah**

Allah SWT memuliakan umat manusia dengan meletakkan tanggungjawab sebagai khalifah yang akan memimpin dunia untuk membawa kemakmuran di muka bumi dengan berpandukan wahyu dan syariat-Nya. Manusia dikurniakan akal fikiran untuk membezakan antara yang baik dan buruk dalam kehidupan mereka, dan bertanggungjawab untuk mentadbir bumi ini dengan jalan keadilan dan ketakwaan. Pengertian taklifan adalah satu tanggungjawab atau perintah agama yang ditentukan oleh syarak ke atas seseorang yang mukalaf yang mana pelaksanaan tanggungjawab itu dalam bentuk perbuatan yang perlu dilaksanakan atau ditinggalkan. Akal adalah antara nikmat yang tinggi yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia iaitu yang akan menjadi panduan hukum taklifan untuk melaksanakan tanggungjawab mengikut syariat dan sama seperti golongan OKU mereka juga dikurniakan akal fikiran yang boleh berfikir.

Setiap perbuatan manusia terikat dengan peraturan-peraturan Allah SWT yang diperincikan melalui hukum hakam taklif. Begitu juga kepada golongan OKU Pendengaran ini yang diletakkan dalam kewajipan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya berdasarkan syarat-syarat taklif yang telah ditetapkan. Namun terdapat golongan yang dikecualikan dari ketentuan taklif atas sebab kekurangan upaya dari sudut mental dan seumpamanya. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa terdapat beberapa golongan manusia yang diuji dengan kekurangan diri seperti kecacatan mental dan fizikal serta ada juga golongan yang mempunyai kekurangan dari segi penglihatan atau pendengaran atau kedua-duanya sekali yang menyebabkan mereka memiliki kemampuan yang terhad dalam melaksanakan aktiviti harian dan khususnya untuk beribadah. Namun begitu, golongan OKU Pendengaran ini sama

sekali tidak tergugur dari taklifan untuk melaksanakan ibadah dan mereka juga dituntut agar mengerjakan ibadat berdasarkan kemampuan mereka.

Menurut Syed Mohamed (2022) pada dasarnya golongan OKU ini perlu melaksanakan tuntutan ibadat berdasarkan daya kemampuan fizikal mereka yang ada dengan sedaya mungkin. Perkara ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al- Taghabun, ayat 16 yang bermaksud, “Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu”. Islam adalah agama yang berdiri atas syariat yang mudah untuk diamalkan lebih-lebih lagi untuk golongan (OKU) sebagai tanda kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-Nya dan membuktikan bahawa syariat amat menitik beratkan kebajikan ibadat mereka. Oleh itu, hukum taklifan ke atas golongan OKU Pendengaran sudah pasti tidak sama dengan golongan normal dari sudut perlaksanaan dan hukum- hukum tertentu.

### **Cabaran OKU Pendengaran dalam Memahami Akidah**

Kekurangan perkataan isyarat agama menjadi cabaran kepada golongan OKU Pendengaran untuk belajar dan berkomunikasi serta membincangkan perkara berkaitan dengan agama dengan lebih mendalam. Seperti manusia normal juga, sewajarnya daripada naluri seorang muslim walaupun mereka mempunyai kekurangan dari sudut fizikal untuk mereka memahami ilmu agama dengan lebih jelas dan mendalam. Selain itu, kekurangan isyarat dalam pendidikan agama Islam akan menyebabkan golongan OKU Pendengaran kurang berminat untuk belajar dan memahami setiap ajaran islam yang disampaikan. Bahasa isyarat yang berkaitan dengan pendidikan agama Islam perlu diperluas serta diperbanyakkan supaya pemahaman dan minat golongan OKU Pendengaran terhadap pembelajaran agama Islam khususnya pembelajaran tentang ilmu al-Quran dapat ditingkatkan. Oleh itu semestinya menjadi tanggungjawab bagi pihak yang berkelamahiran untuk menyampaikan pendidikan agama ini kepada golongan yang istimewa ini.

Selain itu, golongan OKU Pendengaran ini juga menghadapi cabaran apabila mereka berhadapan dengan persepsi negatif daripada segelintir masyarakat (Omar et al., 2022). Pandangan yang diberikan oleh masyarakat kepada golongan ini biasanya terlihat daripada ekspresi wajah dan sifat yang kurang prihatin. Hal ini berlaku kerana masyarakat yang normal melihat bahawa golongan yang istimewa ini tidak mampu untuk memberikan apa-apa sumbangan kepada orang yang lain. Malah ada juga persepsi daripada sebahagian masyarakat yang mengatakan golongan ini hanyalah memberi beban kepada masyarakat bahkan tidak menghasilkan keuntungan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat yang ke 13,

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

*Maksudnya: “Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku- suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”*

Daripada ayat ini maka jelaslah bahawa mulianya seseorang itu bukanlah sahaja pada bentuk fizikalnya yang sempurna, namun adalah pada kekuatan dirinya dalam mentaati perintah Allah SWT iaitu bersifat taqwa. Begitu juga dengan golongan OKU Pendengaran ini, mereka



mungkin sahaja mempunyai kekurangan dari segi pendengaran namun mereka masih mempunyai keupayaan yang lain untuk melakukan setiap perintah Allah SWT bahkan mungkin juga mampu untuk melakukan kebajikan yang lebih baik daripada golongan yang normal.

### **Tanggungjawab Muslim Terhadap Golongan OKU**

Sebagai manusia yang hidup dalam bermasyarakat sudah tentu kita akan sentiasa bermuamalat dengan manusia yang lain. Menjadi orang yang bermanfaat bagi orang lain merupakan perkara yang sangat dimuliakan dalam agama Islam. Daripada Jabir RA Rasulullah SAW bersabda, “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia.” (HR Thabrani dan Daruquthni). Di antara memberi manfaat kepada orang lain adalah dengan tidak menyakiti orang lain, berderma, dan bermuka manis. Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sangat mengalakkan umat Islam untuk selalu berbuat baik terhadap orang lain dan makhluk yang lain. Hal ini menjadi pengukur bagaimana untuk menjadi seorang mukmin yang sebenar.

Tidak kira kepada sesiapa pun kita melakukan kebaikan bahkan kepada golongan yang memerlukan iaitu seperti golongan OKU Pendengaran ini maka setiap perbuatan kita akan kembali kepada orang yang melakukan kebaikan itu. Seperti kita memberikan manfaat kepada orang lain, maka manfaatnya akan kembali untuk kebaikan diri kita sendiri dan juga sebaliknya. Dalam surah al-Isra’ ayat yang ke 7 Allah SWT berfirman dan maksudnya, “Sekiranya kalian berbuat baik, sesungguhnya kalian berbuat baik bagi diri kalian sendiri”.

Oleh itu, terdapat banyak cabang kebaikan yang ada antaranya adalah menyampaikan Ilmu pengetahuan kepada golongan OKU khususnya kepada golongan OKU Pendengaran, baik ilmu agama mahupun ilmu dunia. Kita boleh memberikan manfaat kepada golongan OKU Pendengaran ini dengan menyampaikan ilmu yang dimiliki. Mempelajari Bahasa isyarat supaya mampu untuk menyampaikan Pendidikan akidah yang benar kepada golongan ini juga adalah satu usaha yang sangat mulia agar mereka juga mendapat peluang untuk mendalami ilmu akidah.

Selain itu, tanggungjawab seorang muslim adalah untuk bersikap baik terhadap golongan ini. Bersikap baik ini juga mempunyai banyak kefahaman seperti sentiasa membantu mereka dalam memenuhi keperluan mereka dan juga saling menghormati hak mereka sebagai seorang muslim. Sikap yang negatif kepada golongan ini haruslah dibuang agar tidak timbul sifat mazmumah dalam diri kita. Dengan sikap baik yang ditunjukkan serta dilakukan setiap muslim mampu untuk memberi semangat kepada golongan OKU Pendengaran ini untuk sentiasa istiqomah melakukan kebaikan kerana mereka juga merupakan insan seperti manusia yang lain namun mempunyai keistimewaan yang dianugerahkan daripada Allah SWT.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, kertas kerja ini membentangkan bagaimana akidah yang boleh dipelajari oleh golongan OKU pendengaran melalui kisah dakwah Nabi Isa a.s. Selain itu, dapat memberi iktibar dan pengajaran kepada semua golongan melalui kisah-kisah yang dilalui Nabi Isa a.s dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya yang amat mencabar. Oleh itu, kertas kerja ini meneroka secara spesifik kisah-kisah dakwah Nabi Isa a.s untuk golongan OKU pendengaran. Sebagai seorang muslim, kita tidak pernah terlepas dari tanggungjawab untuk memberikan dakwah kepada semua golongan termasuklah golongan OKU pendengaran. Kita wajiblah mentaati segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangannya walau siapapun kita

kerana Allah hanya menilai hati dan keimanan seseorang untuk mendapatkan syurgaNya yang kekal abadi selamanya.

## References

- Amlin, N., Ab Rahman, A., Zakaria, M. A., & Mursyid Junaidi, M. F. Y. (2020). *Munakahat Issues Among People with Hearing Disability*. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(1), 1–10. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol4no1.48>
- Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Kisah Maryam dan Kelahiran Nabi Isa AS: Surah Ali 'Imran(3: 42-47)*. Program Budaya al-Quran Mingguan Siri 62 di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 22 Julai 2021 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2021). *Kisah Perutusan Nabi Isa AS sebagai Rasul: Surah Ali 'Imran (3: 48 54). Siri 63*.
- Md Yusoff, Y., & Awang, A. (2019b). *Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran*. *Journal of Usuluddin*, 2019:105-118, 105–118. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.5>
- Omar, N., Yaakob, R., Sulaiman, R., & Yakar, S. Y. (2022). *View of Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya(OKU) Pendengaran Di Malaysia*. Usim.edu.my. <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/365/221>
- Rahman, N. R. A., Algiffari, F. A., & Ashilah, N. (n.d.). *PENGERTIAN AKIDAH ISLAM*. <https://osf.io/avfdq>
- Siregar, N. A. (2020). *AQIDAH ISLAM, ANALISA TERHADAP KESHOHIHAN PEMIKIRANNYA*. *Wahana Inovasi : Jurnal Penelitian Dan Pengabdian Masyarakat UISU*, 9(1), 99–105. <https://jurnal.uisu.ac.id/index.php/wahana/article/view/2651/1767>
- Syed Mohamed, S. S. (2022). *View of Kedudukan Taklif Dalam Perlaksanaan Ibadat Bagi Oku Masalah Pembelajaran, Pelbagai Dan Mental*. Usim.edu.my. <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/467/401>
- Rahmasari, Luthfiana Devi Erica (2021) *Kontroversi turunnya Isa Bin Maryam: komparasi Tafsir Al-Qur'an Al-Adim dan Tafsir Al-Qur'an Al-Hakim*. Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Herman, D. H. (2019). *Pemahaman Umat Islam Tentang Kata Kalimah Dalam Hubungan Dengan Isa Almasih*. *HUPERETES: Jurnal Teologi dan Pendidikan Kristen*, 1(1), 17-38.
- Izzatul Najihah & Farhah Zaidar. 2020. *Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektifal-Quran Dan Hadis*. e-Proceeding of the 2nd International Conference OnContemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAHA 2020), hlm.33-49
- Haiqal, Muhammad & Calon, Hassan & Arab, Kajian & Tamadun, Dan & Fakulti, Islam & Islam, Pengajian & Osman, Khazri & Pensyarah, Kajian & Dakwah, & Fakulti, Kepimpinan & Bin Hassan, Muhammad. (2022). *DAKWAH TERHADAP GOLONGAN KURANG UPAYA*.
- Tafsir Surah Al-Maidah Ayat 72, <https://tafsirweb.com/1956-surat-al-maidah-ayat-72.html>
- Mohd Rapini, A., Dimon, Z., Mohd Khalil, N. D., & Hashim, N. (2022). *Keperluan Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra OKU: Satu Sorotan Literatur: The Needs of Designing a People with Disabilities (PWD)-Friendly Module for the Family Development Course: A Literature Review*. *Journal of Muwafaqat*, 5(2), 118–134. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/124>
- Raus, N. M., Rasdi, M. N. A., & Halim, M. H. (2021). *Emansipasi Ketidakupayaan Menurut Quran*